

# GADING

majalah akademik itm,  
cawangan pahang.



BIL: 2

JILID: I

JUL/DIS: 1988

## daftar isi :

1. POLIMER ELEKTRET

2. WHY DO WE WORK

LB

2300 PERKEMBANGAN FIZIK MODEN DAN  
.G33 PALSFAHNYA

4. PERCEPTION AND MARKETING

5. KEDUDUKAN ISLAM DALAM PERLEMBAGAAN  
PERSEKUTUAN (MALAYSIA)

6. SIMULATION STUDY OF TESTING AN  
INTERVENTION EFFECT IN ARIMA (1,0,0,L,6)  
MODEL

## **ISI KANDUNGAN**

<b>1.</b>	<b>POLIMER ELEKTRET</b>	
	- Encik Saifollah bin Abdullah, B.Sc (Hons) (U.M) Pensyarah Fizik, ITM Cawangan Pahang.	1
<b>2.</b>	<b>PERKEMBANGAN FIZIK MODEN DAN FALSAFAHNYA</b>	
	- Encik Ahmad Kamal bin Yahaya, M.Sc. (Fizik) (N. Illinois Univ.), B.Sc. (Fizik)(Ohio University)	12
<b>3.</b>	<b>WHY DO WE WORK?</b>	
	- Encik Azman bin Taher, M.B.A (Univ. Of New Haven), B.Sc. (Eastern Illinois University) Pensyarah Sains Computer, ITM Cawangan Pahang.	17
<b>4.</b>	<b>KEDUDUKAN ISLAM DALAM PERLEMBAGAAN PERSEKUTUAN (MALAYSIA)</b>	
	- Ustaz Abdul Khalil bin Mohd Khalid, Sm. P.I. (Hons)(UKM)	24
<b>5.</b>	<b>PERCEPTION AND MARKETING</b>	
	- Encik Hamdan bin Haji Hassan, M.B.A (Univ. Of New Haven) B.B.A (Univ. Of Wisconsin), Dip in Marketing (U.K.)	34 - 35
<b>6.</b>	<b>SIMULATION STUDY OF TESTING AN INTERVENTION EFFECT IN ARIMA (1,0,0,L,8) MODEL.</b>	36 - 50
	- Encik Illias bin Mamat , M.Sc. (Stat)(Western Michigan Univ.) M.I.S (Stat.)(Polythecnic Of Central London) M.Sc. (Operation Research)(Western Michigan Univ.)	

---

Pendapat yang dikemukakan oleh penulis-penulis dalam Majalah Akademik ini adalah pandangan peribadi dan tidak semestinya mewakili pandangan Lembaga Penerbit.

## KEDUDUKAN ISLAM DALAM PERLEMBAGAAN PERSEKUTUAN (MALAYSIA)

### Pendahuluan

Islam adalah merupakan 'agama rasmi' bagi negara kita Malaysia. Telah banyak perbincangan dibuat mengenai pengertian sebenar peruntukan mengenainya di dalam Perlembagaan Malaysia, Perkara tiga fasal satu.

Persoalan yang selalu diperbincangkan ialah; Adakah peruntukan itu telah pun menjadikan Malaysia sebagai Negara Islam? Apakah dengan peruntukan itu Malaysia dikehendaki supaya melaksanakan undang-undang Islam? Insya Allah dalam penulisan ini kita akan lihat definisi bagi peruntukan tersebut dan kedudukan sebenar Islam di dalam Perlembagaan Malaysia.

#### A. Sejarah awal pembentukan Perlembagaan Persekutuan.

Perjanjian 1948 yang ditandatangani di antara Kerajaan Inggeris dengan Raja-Raja Melayu merupakan titik bermula dalam era sejarah pembentukan Persekutuan Tanah Melayu. Untuk mencapai tujuan ini, pilihanraya bagi memenuhi 58 buah kerusi dalam Majlis Perundungan Persekutuan yang baharu telah diadakan pada bulan Julai 1955.<sup>1</sup>

Dalam pilihanraya tersebut, Perikatan yang terdiri daripada U.M.N.O., M.C.A., dan M.I.C telah meraih 51 daripada 52 buah kerusi yang dipertandingkan. Seterusnya rundingan ke arah pembentukan kerajaan sendiri telah dimulakan dengan Persidangan Perlembagaan yang berlangsung di London dari tarikh 18 Januari hingga 6 Februari 1956. Anggota persidangan terdiri dari empat orang wakil Raja-Raja, Ketua Menteri, tiga orang Menteri dan Pesuruhjaya Tinggi dengan beberapa orang penasihatnya.

Suruhanjaya Bebas Reid dibentuk dengan dianggotai oleh Hakim Lord Reid, Sir Ivor Jennings (Inggeris), Hakim Malik (India), Hakim Abdul Hamid (Pakistan) dan Sir William McKell (Australia) bagi membentuk Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu. Lima perkara khusus yang diambil kira ialah : penubuhan kerajaan pusat yang kuat dan

---

1. Majlis Perundungan Persekutuan ini mengandungi 98 orang ahli; 52 ahli dipilih, 35 dilantik dan 11 orang lagi terdiri dari Menteri-Menteri Besar dan Ketua-Ketua Menteri. Majlis ini diteruskan di bawah Perlembagaan baru sehingga ia dimansuhkan pada tahun 1959. Lihat Hickling Malayan Constitutional Documents, cet. 2, vol. 1 hlm. xi

sedikit otonomi kepada kerajaan negeri; memberi perlindungan terhadap kedudukan istimewa Raja-Raja Melayu; mengadakan kewarganegaraan umum (common nationality) perlantikan ketua negara di bawah perlembagaan; dan hak istimewa orang Melayu di samping kepentingan sah bangsa-bangsa lain.<sup>2</sup>

Keputusan Suruhanjaya Reid ini tidak dapat diterima oleh rakyat Tanah Melayu kerana ia tidak menggambarkan struktur kehidupan sosio-ekonomi dan politik mereka. Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu 1957 dan Perlembagaan Malaysia 1963 oleh Suruhanjaya Cobbold telah menerima berbagai kritikan dari masyarakat Melayu. Akhirnya berlaku tawar menawar di antara Perikatan dan Suruhanjaya Cobbold mengenai beberapa isu penting seperti fungsi Raja-Raja, Bahasa Malaysia sebagai bahasa rasmi dan berhubung dengan Islam sebagai Agama Negara.<sup>3</sup>

## B. Peruntukan Islam dalam Perlembagaan Persekutuan

Mengenai Agama Persekutuan, Perlembagaan Malaysia memperuntukkan bahawa:

'Islam adalah agama bagi Persekutuan; tetapi agama-agama lain boleh diamalkan dengan aman dan damai di mana-mana bahagian Persekutuan.'<sup>4</sup>

Semua negeri dalam Persekutuan Malaysia kecuali Melaka, Pulau Pinang dan Sarawak menjadikan Islam sebagai agama rasmi negeri. Undang-Undang Tubuh Negeri Johor 1895 adalah perlembagaan bertulis pertama di Malaysia yang memuatkan Islam sebagai agama rasmi negeri.<sup>5</sup>

Suruhanjaya Reid 1956 dalam merangka Perlembagaan Persekutuan telah menimbangkan samada perlu atau tidak dimasukkan Islam sebagai agama negara. Laporannya menyebutkan;

---

2 Report Of The Federation Of Malaya Constitutional Comission, Government Printer, 1957, perenggan 3

3 Abdul Samat Musa, Kedudukan Islam dalam Perlembagaan Persekutuan, Dewan Masyarakat, 15 Julai 1980, bil 7, hlm. 46

4 Perlembagaan Persekutuan, Perkara 3(1). Semua peruntukan perlembagaan dalam penulisan ini dirujukkan kepada tulisan Hamid bin Ibrahim, Nasser bin Hamid, Perlembagaan Persekutuan, (Kuala Lumpur: Malaysian Law Publishers Sdn. Bhd.) 1984. Ia merangkumi semua Pindaan sehingga 14 April 1984. Selepas ini disebut Perlembagaan Persekutuan sahaja.

5 Lihat Malayan Constitutional Documents, vol. 2, 1962.

'... the religion of Malaya shall be Islam, the observance of this principle shall not impose any disability on non Muslim nationals professing and practising their own religion and shall not imply that the state is not a secular state.<sup>6</sup>

Cadangan Perikatan meletakkan Islam sebagai agama negara tanpa menyekat kebebasan agama-agama lain dan tanpa menolak konsep negara sekular beserta dengan sokongan dari Hakim Abdul Hamid akhirnya diterima oleh Suruhanjaya tersebut. Syor ini dimaktubkan dalam Perlembagaan Persekutuan dan kemudiannya dalam perkara 3(1) Perlembagaan Malaya. Peruntukan ini mulanya mendapat tentangan dari Raja-Raja Melayu kerana bimbang kuasa mereka sebagai ketua agama negeri akan hilang.<sup>7</sup>

Keraguan di kalangan para Raja ini terhapus apabila Perikatan menerangkan bahawa tujuan sebenar Islam dijadikan agama negara adalah semata-mata untuk maksud upacara-upacara (ceremonial purposes). Contohnya supaya membolehkan dibaca doa di upacara-upacara rasmi seperti di majlis pertabalan Yang DiPertuan Agong, hari kemerdekaan dan sebagainya.<sup>8</sup> Ini mengesahkan bahawa Peruntukan Islam sebagai agama negara tidak mempunyai kesan terhadap undang-undang. Menurut L.A. Sheridan dan H.E. Groves, peruntukan tersebut mungkin dimaksudkan untuk mengenakan kewajipan terhadap orang yang mengambil bahagian dalam upacara-upacara Persekutuan agar mengatur mana-mana bahagian supaya upacara keagamaan mengikut upacara (rites) orang-orang Islam.<sup>9</sup>

Peruntukan seperti yang terdapat di dalam perkara 3(1) ini pada umumnya tertulis dalam perlembagaan negara-negara Islam yang lain<sup>10</sup> dan ia sebagaimana yang dikatakan oleh Dr. Abdul Hamid Al-Mutawalliy sebagai;

<sup>6</sup> Report of The Federation of Malaya Constitutional Comission, Kuala Lumpur, 1957, perenggan 169.

<sup>7</sup> Prof. Ahmad Ibrahim, The Position of Islam in The Constitution of Malaya The Constitution of Malaya, Its Development: 1957 - 1977, Ed.

Tun Mohamed Suffian, H. P. Lee and F. A. Trinidad, (Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1978) hlm. 49

<sup>8</sup> Tun Mohamed Suffian Hashim, The Relationship Between Islam and the State in Malaya'. Intisari, vol. no. 1, hlm. 8.

<sup>9</sup> L.A Sheridan and H.E Groves, The Constitution of Malaya, (New York: Ocean Publications, 1967) hlm. 27.

<sup>10</sup> Lihat Perlembagaan Jordan, perkara 2; Qatar, perkara 1; Kuwait, perkara 2; Algeria, perkara 2; Iraq, perkara 13; Morocco, perkara 6; Bahrain, perkara 2; dan United Arab Emirates, perkara 7.

'.. suatu peruntukan yang tidak memaksa negara ke arah perlaksanaan undang-undang Islam'. Ia hanya merupakan suatu penghormatan kepada akidah agama yang dianuti oleh sebahagian besar penduduk.<sup>11</sup>

Lantaran inilah didapati sebahagian besar umat negara Islam menerima undang-undang sekular.<sup>12</sup>

Sungguhpun Perikatan telah menekankan bahawa Islam patut diisyithar di dalam Perlembagaan Persekutuan sebagai agama rasmi tetapi ia tidak meminta supaya dimasukkan di dalam pengisytiharan perlembagaan tersebut seperti mana yang terdapat di dalam perlembagaan Pakistan yang mengatakan bahawa negara tersebut adalah sebagai Negara Islam.<sup>13</sup>

### C. Kebebasan agama-agama lain.

Perkara 11(1) Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan;

'Tiap-tiap orang adalah berhak menganuti dan mengamalkan agamanya dan tertakluk kepada fasal 4, mengembangkan agamanya.'

Perkara 11(4) menyebutkan bahawa;

'Undang-undang negeri dan yang berhubung dengan Wilayah Persekutuan serta undang-undang Persekutuan boleh mengawal atau menyekat pengembangan apa-apa iktikad atau kepercayaan agama antara orang-orang yang menganuti agama Islam.'

Penyebaran sebarang doktrin agama atau kepercayaan selain daripada Islam di kalangan umat Islam adalah merupakan satu kesalahan. Tiap-tiap kumpulan agama adalah berhak menguruskan hal ehwal agamanya sendiri, menubuh dan menyelenggarakan institusi bagi maksud agama atau khairat, memperolehi dan mempunyai harta serta

<sup>11</sup> Isyaq Musa Al Husayni, The Cause Of Arab Crisis Is Arab Thought, Political and Social Thought In The Contemporary Middle East, ed. Kamal H. Karapat, London: Pall Mall Press, 1968 hlm. 243

<sup>12</sup> Dr. Abdul Harid Al-Mutawalli, Azmah al-Fikr al-Islamiy fi al-asr al-Hadith, (Iskandariah: Maktab Al-Misr al-Hadith li al-Tiba ah wa al-Nasyr, 1970) hlm. 20.

<sup>13</sup> Perlembagaan Pakistan, perkara 1 ada menyebutkan , Pakistan shall be a Federal Republic to be known as the Islamic Republic Of Pakistan'.

memegang dan mentadbirnya mengikut undang-undang.<sup>14</sup> Tiada siapa pun boleh dipaksa membayar apa-apa cukai jika pendapatan dari cukai itu adalah diuntukkan khas, semua atau sebahagiannya bagi maksud sesuatu agama yang lain dari agamanya sendiri.<sup>15</sup> Bagaimana pun, kebebasan dalam soal-soal agama yang diperuntukkan tidaklah membenarkan apa-apa perbuatan yang berlawanan dengan undang-undang am mengenai ketenteraman awam, kesihatan awam dan akhlak.<sup>16</sup>

Islam diberikan kedudukan yang lebih baik daripada agama lain berhubung dengan kebebasan beragama yang antara lain meliputi kebebasan berdakwah di kalangan orang yang bukan Islam, sedangkan orang bukan Islam hanya dibolehkan menyebarkan ajaran mereka kepada orang yang bukan Islam sahaja.<sup>17</sup>

#### D. Hak pengajian agama.

Berhubung hak pendidikan, tiap-tiap kumpulan agama boleh menubuh dan menyelenggarakan institusi-institusi bagi pendidikan kanak-kanak serta mengadakan pengajaran agama masing-masing. Tidak dibenarkan ujud perbezaan semata-mata kerana agama atau undang-undang yang berkenaan dengan institusi itu. Namun adalah sah bagi Persekutuan atau Negeri untuk mengadakan bantuan khas kewangan bagi menubuh atau menyelenggarakan institusi Islam atau untuk ajaran Islam kepada pengikutnya.<sup>18</sup>

#### E. Ketua Agama Islam bagi Persekutuan.

Walaupun Islam agama Persekutuan namun di Malaysia tiada ketua agama Islam bagi seluruh Persekutuan. Yang DiPertuan Agong hanya menjadi ketua agama di negeri asalnya sendiri dan bagi negeri-negeri yang tidak beraja seperti Melaka, Pulau Pinang dan Wilayah Persekutuan.<sup>19</sup> Contoh peruntukan dalam kerajaan negeri seperti dalam perlembagaan negeri Melaka ada dicatitkan bahawa Yang DiPertuan Agong hendaklah

<sup>14</sup> Perlembagaan Persekutuan, perkara 11(3).

<sup>15</sup> Ibid, perkara 11(2).

<sup>16</sup> Perlembagaan Persekutuan, perkara 11(5).

<sup>17</sup> Ibid, perkara 11(4).

<sup>18</sup> Ibid, perkara 12(2).

<sup>19</sup> Perlembagaan Persekutuan, perkara 3(2), 3(3), 3(5).

menjadi ketua agama Islam negeri tersebut.<sup>20</sup>

Manakala Raja atau Sultan di setiap buah negeri dalam Persekutuan adalah menjadi ketua agama Islam bagi negeri masing-masing. Dalam amalan-amalan atau upacara-upacara yang dipersetujui oleh Majlis Raja-Raja Melayu yang meliputi seluruh Persekutuan, Raja-Raja lain hendaklah atas sifatnya sebagai ketua agama Islam membenarkan Yang DiPertuan Agong mewakili mereka.<sup>21</sup> Walau bagaimana pun Majlis Raja-Raja boleh bertindak sama ada mempersetujuinya atau tidak.<sup>22</sup>

Peruntukan 3(2) memberikan kuasa kepada Yang DiPertuan Agong untuk mengisyiharkan awal Ramadan, Hari Raya Puasa dan Hari Raya Haji. Yang DiPertuan Agong juga diberi kuasa mengeluarkan tauliah bagi guru-guru agama tentera.

Para Sultan di setiap negeri adalah berkuasa penuh melantik Mufti Negeri dan mempunyai pengaruh yang besar. Pengaruh inilah yang mungkin menyebabkan Kedah dan Pahang tidak ikut serta dalam Majlis Kebangsaan bagi Hal Ehwal Agama Islam. Keistimewaan para Sultan ini tidak boleh disentuh sama sekali tanpa izin daripada Majlis Raja-Raja Melayu. Keistimewaan mereka hanya boleh dipinda melalui satu akta yang disokong oleh dua pertiga dari keseluruhan ahli Dewan Negara pada bacaan kali kedua dan ketiga serta mendapat kelulusan dari Majlis Raja-Raja Melayu.<sup>23</sup>

Peruntukan 1(2) Jadual kelapan Perlembagaan Persekutuan menjamin hak Raja-Raja sebagai ketua agama Islam untuk bertindak mengikut budi bicaranya. Akan tetapi pada praktiknya Raja dibantu oleh Majlis Agama Islam Negeri yang diujudkan di setiap negeri walau pun pada hakikatnya Raja tidak terikat kepada Majlis tersebut.

Pada 17 Oktober 1968 langkah penyelarasan bagi seluruh negeri Persekutuan dibuat dengan penubuhan Majlis Kebangsaan hal Ehwal Agama Islam oleh Majlis Raja-Raja Melayu. Tujuan penubuhan Majlis itu ialah untuk.<sup>24</sup>

- i. Memberi nasihat dan membuat syor mengenai apa-apa perkara yang dirujukkan kepadanya oleh Majlis Raja-Raja, mana-mana kerajaan negeri atau majlis agama negeri.

<sup>20</sup> Constitution Of The State Of Malacca, Chapter 2, Article 5(1).

<sup>21</sup> Perlembagaan Persekutuan, perkara 3(2)

<sup>22</sup> Ibid. perkara 38(6)(d).

<sup>23</sup> Lihat Perlembagaan Persekutuan, perkara 44, 45 dan 46.

<sup>24</sup> Abdul Samat Musa Dewan Masyarakat, 15 Julai 1980, bil. 7, hlm. 49.

- ii. Nasihat Majlis Raja-Raja, kerajaan negeri dan Majlis Agama Negeri berhubung dengan perkara yang menyentuh undang-undang, pentadbiran dan pengajaran Islam dengan suatu pandangan untuk memperbaiki, menyelaras atau menggalakkan penyelarasan dalam undang-undang pentadbiran Islam.

Sungguhpun demikian, Majlis ini tidak boleh menyentuh perkara yang berhubung dengan keistimewaan Raja sebagai ketua agama Islam di negeri mereka.

#### F. Kedudukan Mahkamah Syariah dan bidangkuasanya.

Mahkamah Syariah hanya mempunyai kuasa terhadap orang-orang Islam dalam perkara-perkara yang mengenai undang-undang diri dan undang-undang keluarga setakat yang ditentukan oleh undang-undang Persekutuan di sekitar pengawalan pengembangan iktikad, menentukan hukum syarak dan adat istiadat Melayu.<sup>25</sup>

Dalam kes yang berhubung dengan jenayah, bidangkuasa mahkamah ini amat terbatas sekali. Undang-undang Persekutuan menentukan bahawa bidangkuasa mahkamah ini tidak akan dijalankan berhubung dengan mana-mana kesalahan yang boleh dihukum penjara lebih dari enam bulan atau denda lebih dari seribu ringgit atau kedua-duanya sekali.<sup>26</sup> Lantaran itu hukuman berat terhadap kesalahan Hudud dan Ta'zir tidak boleh dilaksanakan kerana terkeluar dari bidangkuasa jenayah Mahkamah Syariah. Kes-kes yang berhubung dengan kesalahan melebihi maksima yang ditetapkan maka dengan sendirinya berlawanan dengan undang-undang Persekutuan. Oleh itu undang-undang Persekutuan adalah dipakai dan undang-undang negeri terbatal.<sup>27</sup> Penentuan ini adalah bertepatan dengan konsep ketertinggian perlembagaan seperti yang dimaktubkan di dalam Perlembagaan Persekutuan.<sup>28</sup>

Pada umumnya, perkara-perkara yang berhubung dengan undang-undang Islam diselesaikan di Mahkamah Qadi di setiap negeri. Walaupun demikian, ada kalanya kes yang seharusnya diputuskan dalam mahkamah ini dibawa ke Mahkamah Awam khususnya dalam perkara yang berhubung dengan pesaka.

---

<sup>25</sup> Perlembagaan Persekutuan, Senarai Dua, Jadual Kesembilan.

<sup>26</sup> Muslim Courts (Criminal Jurisdiction) Act, No. 23 of 1965, Fasal 2.

<sup>27</sup> Perlembagaan Persekutuan, perkara 75.

<sup>28</sup> Perlembagaan Persekutuan, perkara 4(1).

## G. Taraf Qadi dan Mahkamah Syariah.

Mahkamah Syariah tidak termasuk dalam taraf dan susunan mahkamah-mahkamah awam di Malaysia. Kedudukan seorang Qadi adalah lebih rendah daripada seorang Majistret. Tiap-tiap Enakmen Negeri yang memperuntukkan undang-undang Islam mengandungi satu seksyen yang menyebut bahawa dalam berlaku pertelingkahan antara Mahkamah Qadi dengan Mahkamah Awam, maka Mahkamah Awam mempunyai bidang kuasa yang mengatasi (over riding jurisdiction).

Bagaimanapun, undang-undang ini tidak memberikan sempadan bidangkuasa yang jelas di antara Mahkamah Syariah dan Mahkamah Awam. Contohnya dalam pentadbiran undang-undang Islam Terengganu<sup>29</sup> memperuntukkan bahawa dalam keadaan ujudnya konflik antara Mahkamah Syariah dan Mahkamah Awam, Mahkamah Awam hendaklah dipakai tetapi dengan bersyarat iaitu Mahkamah Awam mestilah bertindak dalam lingkungan bidangkuasanya.

Dalam kes Nafisah lawan Abdul Majid<sup>30</sup> yang berlaku di Melaka, Mahkamah Awam dengan berpegang kepada seksyen 4 Courts Of Judicature Act 1964 secara jelas menyebutkan ketinggian bidangkuasanya. Kes ini adalah berhubung dengan tuntutan gantirugi kerana mungkir kahwin. Adalah dihujahkan bahawa Enakmen Pentadbiran Undang-Undang Islam Melaka 1959 seksyen 40(3)(b), menolak bidangkuasa mana-mana Mahkamah selain dari Mahkamah Qadi Besar. Hujah ini tidak diterima oleh Mahkamah Tinggi dengan alasan bahawa bidangkuasa Mahkamah Tinggi tidak boleh dibataskan berdasarkan Courts Of Judicature Act 1964.

## H. Penilaian kedudukan undang-undang Islam dalam Perlembagaan Persekutuan.

Berdasarkan keterangan sebelum ini, dapatlah difahamkan bahawa undang-undang Islam tidak diberi kedudukan yang sewajarnya dalam Perlembagaan Persekutuan. Perlembagaan menafsirkan perkataan 'undang-undang' sebagai 'termasuklah undang-undang bertulis (Common Law) setakat ia berkuatkuasa dalam Persekutuan atau mana-mana bahagiannya'.<sup>31</sup> Pentafsiran ini jelas tidak menyebutkan undang-undang Islam dan ini menimbulkan keraguan tentang di manakah kedudukan sebenar undang-undang Islam di Malaysia

Seksyen 3(1)(a) Akta undang-undang Awam semakan 1 April 1972 memperuntukkan;

<sup>29</sup> Lihat Enakmen Pentadbiran Undang-Undang Islam Terengganu, No. 4/1955, seksyen 25(4).

<sup>30</sup> Lihat (1969) 2 M.L.J. 174.

<sup>31</sup> Perlembagaan Persekutuan, perkara 160.

'kecuali ada peruntukan yang telah dibuat atau akan dibuat oleh undang-undang bertulis yang berkuatkuasa di Malaysia, Mahkamah akan; (a) Di Malaysia Barat atau mana-mana bahagiannya akan menguatkuasakan Common Law England an peraturan-peraturan ekuiti (rules of equity) seperti yang ditadbirkan di England pada 7 April 1956'.<sup>32</sup>

Jelasnya di Malaysia pada praktiknya undang-undang Inggerislah yang menjadi undang-undang asas negara dan negeri-negeri walaupun dari segi sejarahnya undang-undang Islam telah diakui sebagai undang-undang asas Negeri-Negeri Melayu.<sup>33</sup>

Dewasa ini undang-undang Islam hanya dikenakan kepada orang Islam sahaja dalam perkara-perkara yang terbatas. Perundangan Islam dan rohnya yang sebenar tidak dapat dilaksanakan lantaran Deen Islam itu sendiri ditafsirkan dengan kefahaman yang sempit. Islam tidak difahami sebagai sistem hidup yang lengkap dan universal.

---

<sup>32</sup> Tarikh 7 April 1956 adalah penting kerana hanya undang-undang Common Law dan Ekuiti Inggeris yang ditadbir di England pada masa itu sahaja yang terpakai. Lihat Wu Min Aun, Pengenalan kepada Sistem perundangan Malaysia, (Kuala Lumpur: Heinemann Educational Books (Asia) Ltd., 1981) hlm. 25.

<sup>33</sup> Dalam kes Ramah lawan Laton (1927) 6 F.M.S.L.R. 128, mahkamah Rayuan Selangor telah memutuskan bahawa undang-undang Islam merupakan undang-undang negeri dan mahkamah hendaklah mengiktiraf dan menggunakan undang-undang itu.

## BIBLIOGRAFI

1. *Hamid bin Ibrahim , Nasser bin Hamid, Perlembagaan Persekutuan*, Kuala Lumpur, Malaysian Law Publishers Sdn, Bhd. 1984.
2. Prof. *Ahmad Ibrahim*, The Constitution Of Malaya, Its Development: 1957 - 1977, Kuala Lumpur, Oxford University Press, 1978.
3. *L.A. Sheridan and H.E Groves, The Constitution Of Malaysia*, New York: Ocean Publications, 1967.
4. *Al-Mutawalli, Dr. Abdul Hamid, Azmah Al-Fikr Al Islami*, Iskandariah, Maktab Al-Misr al-Hadith, 1970.
5. *Hickling, Malayan Constitutional Documents*, cet. 2, vol.1, 1962.
6. *Kemal H. Kerapat, Political and Social Thought in contemporary MiddleEast*, London: Pall Mall Press, 1968.
7. Report of the Federation of Malaya Constitutional Comission, Government Printers, 1957.
8. *Abdul Samat Musa, Kedudukan Islam dalam Perlembagaan Persekutuan*, Dewan Masyarakat, Julai 1980.
9. *Tun Mohd Suffian Hashim, The Relationship Between Islam and the state in Malaya, Intisari*, vol. 1
10. *Wu Min Aun, Pengenalan kepada sistem perundangan Malaysia*, Kuala Lumpur, Heinmann Educational Books Limited, 1981.